

Cagamas

umum terbitan dua bon mata wang asing

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd mengumumkan terbitan bon dalam dua mata wang, terdiri daripada Nota Jangka Sederhana (MTN) kadar tetap Dolar Hong Kong (HK\$) dua tahun berjumlah HK\$351 juta dan Nota Kadar Terapung (FRN) Dolar AS (AS\$) tiga tahun berjumlah AS\$28 juta.

Bon dalam mata wang asing itu diterbitkan menerusi anak syarikat milik penuh Cagamas, Cagamas Global PLC menerusi Program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang Konvensional (EMTN) Cagamas berjumlah AS\$2.5 bilion.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Datuk Chung Chee Leong berkata pelabur asing kekal positif dan terus menunjukkan minat ke atas sekuriti Cagamas yang membolehkan syarikat itu memuktamadkan terbitan kedua dolar HK pada bulan yang sama.

“MTN bernilai HK\$351 juta itu, yang akan matang dalam tempoh dua tahun, diberikan ketatapan harga yang kompetitif, pada kadar tetap 3.10 peratus dan dilanggani sepenuhnya oleh pelbagai kumpulan pelabur asing, termasuk penyertaan firma pengurusan aset utama dunia,” katanya menerusi kenyataan.

Chung juga berkata Cagamas gembira dapat memuktamadkan FRN dalam dolar AS menerusi inisiatif pertanyaan berbalik dengan maklum balas yang diterima daripada pelabur asing menunjukkan pilihan yang semakin meningkat ke atas FRN ekoran ketidaktentuan kadar faedah global. - Bernama